

Cari garis panduan bagi menghadapi fenomena iklim melampau

Mesyuarat bincang cuaca panas

KUALA LUMPUR – Mesyuarat bagi menangani isu cuaca panas dan kering berikutan fenomena El Nino yang melanda negara akan diadakan di pejabat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di Putrajaya hari ini.



WAN JUNAIDI

Menterinya, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, mesyuarat yang akan

Me-

pada pukul 2.30 petang itu dijangka membincangkan antaranya keperluan untuk mewujudkan jawatankuasa kebangsaan peringkat Kementerian yang bertanggungjawab dalam menangani isu berkenaan.

Menurut beliau, mesyuarat yang turut membabitkan beberapa kementerian dan

bincangkan garis panduan ketika berhadapan dengan keadaan cuaca panas.

Cuaca panas berikutan fenomena El Nino yang dijangka berterusan sehingga bulan Jun dikhuatiri menjejaskan biodiversiti di negara selain boleh membawa kepada kejadian jerebu tempatan.

Sementara itu, Pakar Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Fredolin Tangang pula berkata, apabila El Nino me-

landa negara, pola suhu panas sememangnya kerap berlaku terutamanya di bahagian utara Semenanjung.

“Sebenarnya fenomena El-Nino kini berada di dalam proses penurunan cuma ada beberapa faktor yang menyebabkan fenomena itu berlanjutan seperti kesan kemarau di Sumatera pada bulan Jun hingga Oktober tahun lepas akibat pembakaran hutan yang tidak terkawal lalu mempengaruhi cuaca di negara ini,” katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan, satu mesyuarat tergepar akan diadakan oleh kerajaan dalam tempoh terdekat bagi membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu cuaca panas dan kering yang sedang melanda negara.

Mesyuarat bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan agensi-agensi kerajaan yang lain itu bagi membolehkan intipati perbincangan dibawa ke mesyuarat Kabinet pada Jumaat ini.